



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

KP(BS)8591/Jld.VIII / (76)

22 Mei1997

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 5/1997 : **Sekolah Sebagai Kawasan Larangan Merokok**

Dimaklumkan bahawa suatu ketetapan telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk menjadikan bangunan dan kawasan sekolah sebagai **KAWASAN LARANGAN MEROKOK** mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau, 1993.

2. Berkuatkuasa pada tarikh Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan, semua guru, kakitangan, ibu bapa atau mana-mana individu yang berurusan dengan sekolah adalah dilarang dari menghisap rokok di kawasan sekolah.

3. Larangan ini meliputi keseluruhan premis sekolah, sama ada di kawasan terbuka mahupun di dalam bilik atau di tempat-tempat yang terselindung dari pandangan murid. Perkara 4.1 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1993 : Garis Panduan Kempen Anti Merokok Di Sekolah-Sekolah adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK MATNOR DAIM)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Seri Mohd Najib b. Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Datuk Haji Mohd. Khalid b. Mohd. Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia